

Jurnal PPM: Journal of Malaysian Librarians
Vol. 10, 2016

**IMPAK PAMERAN DAN PERKHIDMATAN PANDU LALU
TERHADAP PINJAMAN BUKU BAHARU: KAJIAN BERASASKAN
RETURN ON INVESTMENT (ROI)**

Shamsudin Ibrahim, Rosnah Yusof, Azmah Ishak, Harith Faruqi Sidek, Norliah
Sukarno, Rohalia Mohd Rohani, Nor Hamsiah Ahmad Hosaini, Fatimah
Kamilah Awang, Azhari Sahamir, Nor Ilyah Othman, Liyana Jasman, Mohd
Syamrooz Kamal Mhd Redza
QIT Pengurusan
Perpustakaan Tun Seri Lanang,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor
shamsudin.ibrahim@ukm.edu.my, rosy@ukm.edu.my

ABSTRAK

Perpustakaan UKM telah membeli sebanyak 10,050 naskhah buku bercetak bagi kegunaan para penyelidik UKM dari 2009 hingga 2013. Namun, kajian mendapati hanya 4,864 (48.4%) buku dipinjam. Masalah ini perlu diatasi kerana kos pembelian buku dianggar bernilai RM8.72 juta berbanding nilai buku yang dipinjam (RM4.5 juta). Kajian awal dilakukan oleh pasukan Quality Improvement Team (QIT) Pengurusan mengenai transaksi pinjaman buku baharu mengguna pendekatan Return on Investment (ROI) dan Cost Benefit Ratio (CBR). Beberapa cadangan bagi meningkatkan kadar pinjaman buku telah dibentang oleh QIT Pengurusan kepada Perpustakaan. Dua cadangan telah dilaksana oleh Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KLIK pada 2014/2015 iaitu pameran buku baharu dan perkhidmatan pinjaman buku secara pandu lalu. Hasil kajian telah membuktikan pameran buku baharu dan perkhidmatan Pandu-Lalu@PTSL telah meningkatkan transaksi pinjaman daripada 1.6% kepada 46.8% dalam tempoh sembilan bulan.

Katakunci : Pameran buku baharu; Pinjaman buku; Buku baharu; *Return on Investment* (ROI), Cost Benefit Ratio (CBR); Koleksi buku; Perkhidmatan pandu lalu

ABSTRACT

The Library has purchased 10,050 copies of printed books for UKM researchers from 2009 to 2013. Nevertheless, the study found only 4,864 (48.4%) of books were borrowed. This problem should be overcome due to the fact that the estimated cost of books purchasing is RM8.72 million compared to the value of the books that were borrowed (RM4.5 million). A preliminary study was conducted by the Management Quality Improvement Team (QIT) with regards to